

22/03/2003

Nanas Titi manis, wangi

Hussain Said

JOHOR dan Sarawak terkenal sebagai antara pengeluar nanas terbesar negara tetapi Negeri Sembilan pula berbangga dengan penghasilan nanas Titi.

Walaupun kawasan penanaman nanas itu tidak luas tetapi nanas Titi mempunyai keistimewaan tersendiri berbanding nanas yang dihasilkan di kedua-dua negeri itu.

Perbezaan ketara antara nanas Titi dengan nanas lain ialah isinya berwarna kuning, rasanya yang manis, wangi dan harum.

Bukti kemanisan nanas Titi terserlah apabila tangan kita akan melekit apabila memegangnya dan semut pasti menghurungnya apabila diletakkan di atas meja.

Satu lagi keistimewaan nanas Titi ialah seratnya mudah putus dan tidak akan tersangkut di celah gigi apabila memakannya.

Jadi, tidak hairan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri memuji kemanisan dan keenakan nanas itu ketika dijamu pada lawatannya ke negeri ini.

Malah, kebanyakan peniaga didapati sering menipu pembeli dengan mendakwa nanas yang dijual mereka adalah jenis nanas Titi tetapi sebaliknya.

Sebenarnya, Titi adalah nama satu kawasan yang terletak di daerah Jelebu dengan majoriti penduduknya masyarakat Cina.

Jadi, sebahagian penduduk di kawasan itu mengusahakan tanaman nanas dan mengambil nama kawasan itu sebagai namanya.

Seorang pengusaha, Chin Siong, 44, yang mengusahakan tanaman nanas di kawasan 14 hektar berkata tiada rahsia di sebalik keistimewaan nanas yang dihasilkan itu.

"Selain penjagaan dan pembajaan yang rapi, nanas ini ditanam di kawasan terbuka dan berbukit bagi membolehkan mendapat cahaya mencukupi," katanya yang mengusahakan tanaman itu bersama isterinya, Choe Sau May, 40, serta empat pekerjanya.

Beliau hanya boleh menuai hasil tanaman nanas itu selepas setahun lebih ditanam dengan musim terbanyak pada Julai setiap tahun.

"Sekiranya penjagaan dan pembajaan rapi dilakukan, sebiji nanas yang dihasilkan mampu mencapai berat 4 kilogram sebiji. Bagaimanapun, purata berat nanas yang dihasilkan antara 2 kg hingga 3 kg sebiji," katanya.

Kata Chin Siong, beliau menjual nanas itu kepada pemborong dengan harga RM1.50 sebiji apabila bukan musimnya dan harga itu boleh jatuh hingga RM0.60 sebiji ketika musimnya.

"Kebanyakan nanas Titi dipasarkan di Kuala Lumpur, Melaka, Selangor, Johor dan Negeri Sembilan menerusi pemborong. Harga pasaran apabila bukan musimnya mampu mencecah RM2.80 hingga RM3 sekilo.

"Sekiranya tiba musimnya iaitu antara Mei hingga Julai, harganya RM1.50 sekilo," katanya yang memajak tanah daripada orang Melayu bagi mengusahakan tanaman nanas itu.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) Chennah, Mej (B) Datuk Lim Yong mengakui nanas itu menjadikan Titi terkenal.

"Titi bukan saja terkenal dengan nanas tetapi beberapa hasil pertanian lain seperti pisang Titi yang menjadi sebutan dan kesukaan ramai kerana lebih besar berbanding pisang lain," katanya.